



LP  
GEMA

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN

## SEMPENA

### 40 TAHUN PERKHIDMATAN TV

#### DAN

### SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

#### 2015/1436



nasional

pilihan

Pelangi

Harmoni

نور اسلام  
Nur Islam  
93.3 - 94.9FM

بریتا  
BERITA NEWS  
Portal

بریتا  
Berita  
Portal

CACU

[www.rtb.gov.bn](http://www.rtb.gov.bn)



### RTB Sungai Akar, 8 Ogos, 2015

Perkhidmatan Televisyen mencapai usia 40 tahun pada 9 Julai, 2015. Bersempena dengan ulangtahun berkenaan, RTB telah mengadakan Khatam Al-Quran bagi pegawai dan kakitangan RTB. Majlis diadakan di studio 4, kompleks RTB, Sungai Akar. Pengarah RTB, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu hadir sebagai tetamu khas majlis berkenaan. Hadir sama ialah Ahli Jawatankuasa Pengurusan, ketua-ketua seksyen dan kakitangan RTB ▪





Majlis Khatam Al-Quran, diselajurkan dengan mengadakan majlis ramah mesra Hari Raya bagi Jabatan RTB. Turut hadir memeriahkan majlis ialah Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd Rozan bin

Dato Paduka Awang Haji Mohd Yunos.

Majlis ramah mesra RTB diadakan bagi menjalinkan lagi kemesraan dan ukhuwah di antara pegawai dan kakitangan RTB. Pelbagai jenis juadah dihidangkan yang disediakan oleh pegawai dan kakitangan dari setiap bahagian masing-masing.

Unit Okestra RTB juga tidak ketinggalan dalam menceriakan lagi suasana sambutan dengan mendendangkan pelbagai rentak dan irama betemakan hariraya. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama Tetamu khas.

Dengan semangat kerjasama dan setiakawan pegawai-pegawai dan kakitangan dari bahagian-bahagian telah menghias meja hidangan mereka dengan pelbagai idea kreatif mengikut tema masing-masing. Terdapat lima bahagian utama di Jabatan ini dan kesemuanya turut serta dalam memeriahkan majlis sambutan berkenaan. Bahagian-bahagian tersebut ialah iaitu Bahagian Pentadbiran dan kewangan, Bahagian Rancangan TV, Bahagian Rancangan Radio, Bahagian Berita, Hal Ehwal Semasa dan Sukan dan Bahagian Kejuruteraan -

## Bahagian Pentadbiran dan Kewangan





Bahagian Kejuruteraan





**Bandar Seri Begawan – Sabtu 13 Jun, 2015**

Seramai 8 orang peserta yang terdiri daripada mahasiswa-mahasiswi dan penuntut dari beberapa buah institusi pendidikan tinggi Negara Brunei Darussalam bergabung dengan mahasiswa-mahasiswi dan penuntut dari Republik Singapura dalam dua buah rancangan realiti TV terbitan bersama Radio Televisyen Brunei dan MediaCorp Singapura melalui rancangan GRID dan XPEDISI SISWA. Selain penuntut dan siswa, tenaga pengajar dari kedua-dua negara juga dilibatkan sama sebagai Mentor dan Guru Penasihat bagi cabaran yang diberikan.

Program terbitan bersama ini merupakan projek kerjasama dua hala Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Penyiaran Antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Singapura.

Tahun ini rancangan GRID memfokuskan kepada bidang Lakonan (*Acting*) dengan bertemakan Lakonan Kreatif. Para peserta diberikan beberapa cabaran melakonkan watak-watak yang diarahkan, antaranya “*Mime*” iaitu lakonan senyap, “*Monolog*” dan lakonan “*Pentas*”. Bagi cabaran kemuncak, peserta melakonkan secara “*live*” di hadapan penonton yang diadakan di Studio 4, Kompleks Penyiaran RTB, Sungai Akar. Para peserta juga telah membuat penggambaran di Singapura pada 26 – 29 Mei 2015 ▪

Penerbit bagi Rancangan GRID kali ini ialah Wasli bin Haji Piut Manakala Norhanishah binti Haji Md Yakob Selaku Penerbit Eksekutif.





Sementara itu rancangan Xpedisi Siswa tahun ini membawa tema "Keusahawanan" (*Entrepreneurship*). Peserta diberi pendedahan dalam bidang keusahawanan melalui lawatan lokasi dan beberapa cabaran yang diberikan seperti penyediaan booth perniagaan untuk mereka menggunakan daya kreatif masing-masing dalam menarik perhatian pelanggan untuk mengunjungi booth dan membeli produk-produk yang dipamerkan. Selain itu, peserta juga dibawa ke lokasi-lokasi menarik serta beberapa buah tempat usahawan di Brunei dan Singapura untuk menimba pengalaman dari beberapa orang usahawan yang berjaya. Penggambaran di Singapura telah diadakan pada 25 – 28 Mei 2015.

Antara objektif tema kali ini ialah untuk dijadikan sebagai *platform* kepada peserta untuk belajar dan mengetahui strategi perniagaan melalui pameran (expo), budaya, SME dan geografi beberapa tempat atau lokasi yang berkaitan.

Kedua-dua rancangan dirakam secara langsung dihadapan penonton di Studio 4, Kompleks Penyiaran RTB, Sungai Akar. Hadir sebagai Tetamu Kehormat bersama ialah Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri dan Associate Professor Muhammad Faishal Ibrahim, Setiausaha Parliment, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pengangkutan, Republik Singapura.


Turut hadir ialah Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu, Pengarah RTB dan Dr. Chitra Rajaram, Ketua Bahagian Komuniti, MediaCorp Singapura. Juga turut hadir ialah Tuan Yang Terutama Jayaratnam, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura Ke Negara Brunei Darussalam serta pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, Kementerian Komunikasi dan Informasi (MCI) Singapura, Media Development Authority (MDA) Singapura dan pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua buah stesen RTB dan MediaCorp Singapura.

Penerbit bagi Rancangan Xpedisi Siswa tahun ini ialah Muhd Shahminan bin Mohd Yunos Manakala Penerbit Eksekutif ialah Hajah Sumariah binti Haji Abd Rahman.

Kedua-dua rancangan telah disiarkan di saluran RTB dan MediaCorp Singapura pada RTB 1 Raya ketiga jam 6.00 petang, RTB 3 Hari Raya ke enam jam 7.00 malam dan RTB 4 hari raya kelima jam 12.40 tengah hari ▀



# LAWATAN ROMBONGAN SINGAPURA



**Bandar Seri Begawan - 13 Jun 2015**

Tetamu-tetamu khas dari Republik Singapura yang hadir bagi rakaman rancangan terbitan bersama RTB-MediaCorp Singapura GRID dan Xpedisi Siswa telah berkesempatan membuat lawatan ke tempat-tempat menarik semasa berada di nagara ini. Antar tempat-tempat yang dilawati ialah Galeri Bangunan Pusat Kesenian Turut hadir semasa lawatan berkenaan ialah Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos, Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri ▪

# MAJLIS CERAMAH DAN BERTAHLIL BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN RTB



**Bandar Seri Begawan - 1 Jun, 2015**

RTB mengadakan majlis tahlil yang dikhususkan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan RTB yang telah kembali ke Rahmatullah. Disamping itu majlis juga diselajurkan dengan ceramah khas sempena kedatangan bulan Ramadhan 1436 hijrah. Ceramah disampaikan oleh Ustaz Haji Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit dari Pusat Dakwah Islamiah ▪



# KURSUS NEWSCASTER - THE CHALLENGES AND FUTURE

## RTB Bandar Seri Begawan - 8 - 11 Jun 2015

Seramai 16 orang peserta yang terdiri dari penyampai dan penyiar dari Bahagian Berita, Hal Ehwal Semasa dan Sukan telah menghadiri Kursus Newscaster - *The Challenges and Future* yang diadakan selama 4 hari bertempat di Radisson Hotel, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis penutup dan menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato Paduka Awang Haji Abd Wahab bin Juned.

Semasa memberikan ucapan, Timbalan Menteri antara lain berkata bahawa Radio Televisyen Brunei (RTB) perlu fokus, konsisten, sistematik, komited, strategik dan berkesinambungan bagi merentasi kemajuan semua sektor dalam penyiaran.

Menurutnya, ini adalah landasan kemajuan positif bagi RTB yang telah dapat dibina bersama dalam tempoh empat dekad dan tidak boleh dibiarkan kekuatan tersebut makin luntur dan lemah kehilangan fokus. Sebaliknya usaha perlu lebih terarah dan berpelbagai untuk memastikan semua sektor dalam penyiaran tidak ada yang tercicir dan terus maju ke hadapan.

Oleh itu, RTB dan Reuters jelasnya, mempunyai hubungan profesional yang akrab di mana Reuters sentiasa bersedia untuk membantu RTB melalui latihan-latihan yang diperlukan oleh RTB.

Yang Mulia Dato Paduka menambah, Reuters sangat memahami peranan media dan ruang media di mana organisasi seperti RTB beroperasi, yang kompleks dan sentiasa berubah di bawah arus dan hambatan pengaruh-pengaruh yang bertali arus dan dinamik dan luar negara dan tidak terkecuali dari dalam negara.

Seterusnya, Reuters juga memahami konteks perubahan dan pengaruh teknologi yang memberi kesan berterusan dan mencabar terhadap cita rasa dan permintaan pelanggan atau penonton merentasi umur atau pemilik organisasi itu sendiri ▪



# RUANG PAMER UNIT PERDAGANGAN RTB



Dalam usaha untuk mempromosi produk-produk RTB, sebuah ruang pamer telah disediakan di bangunan RTB, Bandar Seri Begawan. Ruang pamer ini menyediakan beberapa barang jualan ‘merchandise’ bagi RTB. Ruang pamer berkenaan mula dibukakan bukan sahaja bagi warga RTB tetapi juga untuk orang ramai.

Ruang pamer ini dibuka semasa waktu pejabat. Antara barang jualan ‘merchandise’ RTB yang dijual di ruang berkenaan ialah Jaket, T-Shirt, pen, mug, buku masakan dan tali leher (tie). Pembukaan ruang pamer ini telah dirasmikan oleh Awang Haji Muhammad Suffain bin Haji Bungsu, Pengarah RTB.

# JALINAN KASIH

27 Jun 2015



## PROJEK JALINAN KASIH

Dalam usaha mendekati masyarakat dengan pelbagai peringkat dan latar belakang kehidupan, Perkhidmatan Radio Brunei sekali lagi mengendalikan projek 'Jalinan Kasih' yang dikendalikan sejak tahun 2009. Projek berkenaan dilaksanakan khusus untuk anak-anak yatim, warga emas, saudara-saudara baru dan mereka yang kurang berkemampuan bersempena dengan bulan Ramadhan dan Hari Raya yang menjelang. Projek ini juga bertujuan untuk memasyarakatkan Radio dalam usaha berterusan kearah mendukung hasrat kerajaan dalam mewujudkan budaya kehidupan bermasyarakat yang penyayang dan prihatin kepada yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan .

Majlis pelancaran Projek Jalinan Kasih kali ketujuh tersebut telah diadakan di Studio A RTB. Majlis disempurnakan oleh Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu. Di majlis berkenaan telah diadakan penyampaian derma dan sumbangan berupa keperluan asasi harian kepada mereka yang terpilih antaranya mangsa kebakaran dikampung Anggerik Desa, saudara baru dan anak-anak yatim . Terdahulu majlis diserikan dengan satu tazkirah yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Awang Adi Aismat bin Lamat dan penyampaian sijil kepada beberapa syarikat tempatan yang sama-sama menjayakan projek berkenaan . Projek ini mendapat tajaan daripada Syarikat tempatan iaitu, TM Majeed Supermarket, Akbar Printing, Brusin Traiding Sdn Bhd, Giant TM Sdn Bhd, Kingstone Beverage & Creamery Sdn Bhd, Chop Yick Fatt, Haji Adinin & Sons Sdn Bhd, U-Fan Store Brunei Darussalam dan Head To Toe Beauty House.

Kumpulan Penerbitan projek tersebut juga berkunjung ke rumah-rumah para penerima di keempat-empat daerah untuk mengagihkan derma serta sumbangan. Selain itu, beberapa acara Berbuka Puasa di Restaurant McDonald, WYWY, Desa Café dan Eleven Degree Sports and Cafe juga diadakan dengan beberapa kumpulan sasaran •





# CERAMAH SEMPENA 10 HARI TERAKHIR BULAN RAMADHAN

Bandar Seri Begawan - Isnin, 6 Julai 2015

Ummul Mukminin 'Aisyah radhiallahu 'anha mengisahkan tentang Nabi salallahu 'alaihi wasallam pada 10 terakhir Ramadhan yang bermaksud:

"Adalah Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam apabila memasuki 10 terakhir Ramadhan, beliau menguatkan ikatan tali sarungnya (yakni meningkat amalan ibadah baginda), menghidupkan malam-malamnya, dan membangunkan isteri-isterinya." Muttafaqun 'alaihi.

Keajaiban-keajaiban yang terdapat pada 10 malam terakhir bulan ramadhan telah banyak disebutkan di dalam al-Qur'an mahupun Sunnah. Diantaranya; terjadi lailatul qadar yang merupakan malam diturunkannya al-Qur'an dan dicatatkan di *lauhul mahfudz* seluruh perkara yang akan terjadi di muka bumi pada tahun tersebut.

Penceramah Undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Awangku Haji Md.Nurhadi bin Pengiran Haji Bungsu antara lain menyampaikan perkara tersebut semasa menghadiri sesi ceramah di Dewan Raya RTB bersempena dengan 10 hari terakhir Bulan Ramadhan.

Hadir di majlis tersebut ialah Pengarah RTB, Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu; Ahli Jawatankuasa Pengurusan, Pegawai-Pegawai serta kakitangan RTB.

Ustaz Awangku Haji Md.Nurhadi seterusnya berkata bahawa solat berjemaah juga sangat diutamakan pada malam-malam terakhir Ramadan. Rasulullah bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang mengerjakan solat Isyak dan Subuh secara berjemaah pada waktu malam,maka dia juga telah menghidupkan seluruh malam itu" (hadis riwayat Abu Dawud) ▀





Penceramah di sampaikan oleh:  
**Awangku Haji Md. Nurhadi  
bin Pengiran Haji Bungsu,  
dari Pusat Dakwah Islamiah.**





## **MAJLIS BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA SEMPENA 40 TAHUN TV**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 8 Julai**

Bersempena dengan siaran perkhidmatan TV Brunei yang ke-40 tahun, RTB telah menyambutnya dengan acara keagamaan iaitu dengan mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja bagi Al Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu, Pengarah RTB; Ahli Jawatankuasa Pengurusan, Pegawai-Pegawai serta kakitangan RTB.

Majlis bacaan Yaasin dan Tahlil dipimpin oleh Awg Mohd Azim bin Haji Ali, Penolong Pensyarah Institut Tahfiz Al-Quran Hassanal Bolkiah. Ianya juga bertujuan untuk mengambil sukut di bulan yang penuh keberkatan dan kemuliaan iaitu bulan Ramadhan Al-Mubarak 1436 Hijrah.

Penyiaran televisyen bermula pada tahun 1975, menjadikannya siaran berwarna yang pertama di rantau Asia. Bermula daripada 2 saluran; saluran 5 dan 8. Kini RTB menyiar 5 saluran TV iaitu RTB1, RTB2, RTB3, RTB4 dan RTB5 •



## MELAPOR BULAN JUN 2015



AWANG ZAHIRRUDIN BIN HAJI KEFLI  
Penolong Juruteknik Pemeliharaan



DAYANG RUSAFIRAH BINTI RUSLI@IDAYU  
Penolong Operesen Rendah



AWANG BAKRI@ HARIS BIN HAJI IBRAHIM  
Penyelenggara Stor Tingkat II



AWANG MOHAMMAD KHAIROL SYATRI  
BIN ROSLAN  
Penolong Operesen Rendah



AWANG ROSLI BIN HAJI OMAR  
Pemandu Kereta Tingkat I



DAYANG FARIDAH  
BINTI HAJI MOHAMMAD  
Penulis Skrip / Penolong Skrip



DAYANG HAJAH ROHAYA  
BINTI HAJI AWANG MURNI  
Penolong Juruteknik Pemeliharaan



DAYANG YUSMA RABIEAH  
BINTI AWANG YUSSOF  
Pelatih Berita



DAYANG VIRADYANA BINTI ABDULLAH  
Penolong Pengurus Pentas

## MELAPOR BULAN JULAI 2015



راديو تيليفيشن بروني

Radio Televisyen Brunei

